



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 75
No. 27

7hb Julai 2022

TAMBAHAN
No. 2

RANG UNDANG-UNDANG

Rang Undang-Undang yang berikut, yang akan dibentangkan dalam Dewan Negeri Selangor, adalah diterbitkan untuk makluman umum:

The following Bill, about to be introduced in the State Legislative Assembly of Selangor, is published for general information:

	Muka	
	Page	
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) (Pindaan) 2022	9	
Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) (Amendment) Enactment 2022	15	

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

[]

DIPERBUAT oleh Badan Perundangan Negeri Selangor seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) (Pindaan) 2022.

(2) Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 55

2. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [*Enakmen No. 1 tahun 2003*], yang disebut “Enakmen ibu” dalam Enakmen ini, dipinda—

(a) dalam subseksyen 55(1), dengan memasukkan selepas perkataan “yang difikirkannya patut” perkataan “yang mempunyai pejabat pendaftarannya yang utama dan menetapkan had bidang kuasa tempatan bagi mahkamah itu”;

2

Rang Undang-Undang

- (b) dalam subseksyen 55(2), dengan memasukkan selepas perkataan “Negeri Selangor” perkataan “di tempat-tempat yang difikirkannya patut yang mempunyai pejabat pendaftarannya yang utama dan menetapkan had bidang kuasa tempatan bagi mahkamah itu”; dan
- (c) dalam subseksyen 55(3), dengan memasukkan selepas perkataan “Negeri Selangor” perkataan “di tempat yang difikirkannya patut yang mempunyai pejabat pendaftarannya yang utama”.

Seksyen baharu 72A

3. Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 72 seksyen yang berikut:

“Mahkamah boleh menjalankan prosiding melalui teknologi komunikasi jarak jauh

72A. (1) Tanpa menjelaskan seksyen 72, Mahkamah boleh, demi kepentingan keadilan, mendengar dan memutuskan apa-apa prosiding melalui suatu teknologi komunikasi jarak jauh dari mana-mana tempat.

(2) Tempat di mana Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rayuan Syariah mengendalikan apa-apa prosiding secara teknologi komunikasi jarak jauh hendaklah disifatkan sebagai dijalankan dalam bidang kuasa tempatan mahkamah itu seperti yang ditubuhkan di bawah seksyen 55.

(3) Bagi maksud seksyen ini—

- (a) “teknologi komunikasi jarak jauh” ertiaya apa-apa cara komunikasi elektronik termasuk e-mel, aplikasi sidang video atau rangkaian video atau apa-apa saluran digital lain yang difikirkan sesuai oleh Mahkamah; dan
- (b) “tempat” termasuklah ruang siber, ruang maya atau tempat maya.”.

Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) (Pindaan) 3

Seksyen baharu 77A

4. Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 77 seksyen yang berikut:

“Arahan Ketua Hakim Syarie

77A. Ketua Hakim Syarie boleh, dari semasa ke semasa mengeluarkan apa-apa arahan yang difikirkan patut bagi tujuan melaksanakan peruntukan dalam Bahagian IV Enakmen ini.”.

Peralihan

5. (1) Apa-apa pemberitahuan berkenaan dengan penubuhan Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah yang dibuat di bawah Enakmen ibu sebelum Enakmen ini berkuat kuasa hendaklah terus berkuat kuasa dan disifatkan sebagai pemberitahuan di bawah Enakmen ini sehingga dibatalkan atau digantikan oleh pemberitahuan yang dibuat di bawah Enakmen ini.

(2) Apa-apa pemberitahuan berkenaan dengan alamat Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah yang disebut dalam pemberitahuan yang dibuat di bawah Enakmen ibu sebelum Enakmen ini berkuat kuasa, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah disifatkan sebagai alamat pejabat pendaftaran yang utama bagi mahkamah itu di bawah Enakmen ini sehingga dibatalkan atau digantikan oleh pemberitahuan yang dibuat di bawah Enakmen ini.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (“Enakmen No. 1 tahun 2003”).

1. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Enakmen yang dicadangkan.

4

Rang Undang-Undang

2. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda subseksyen 55(1) dan (2) bagi menjelaskan bahawa Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh menentukan penubuhan beberapa Mahkamah Rendah Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah yang mempunyai pejabat pendaftarannya yang utama untuk disiarkan dalam *Warta*. Bagi tujuan ini, pemberitahuan melalui *Warta* akan dibuat untuk menyatakan alamat pejabat pendaftaran yang utama bagi Mahkamah Rendah Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah itu. Pindaan ini juga bertujuan untuk menjelaskan bahawa Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh menetapkan had bidang kuasa tempatan bagi setiap Mahkamah Rendah Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah yang ditubuhkan.

Selain itu, *Fasal* ini juga bertujuan untuk meminda subseksyen 55(3) bagi menjelaskan bahawa Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh menentukan penubuhan suatu Mahkamah Rayuan Syariah yang mempunyai pejabat pendaftarannya yang utama untuk disiarkan dalam *Warta*.

Amnya, pindaan kepada subseksyen 55(1), (2) dan (3) ini adalah bagi menjelaskan bahawa Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah masing-masing, mempunyai satu pejabat pendaftaran utama dan alamat bagi pejabat pendaftaran utama ini akan diwartakan. Walau bagaimanapun, prosiding mahkamah boleh dijalankan di mana-mana tempat yang ditetapkan sebagai mahkamah selain daripada di pejabat pendaftaran utama di bawah had bidang kuasa tempatan mahkamah itu.

3. *Fasal 3* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu seksyen 72A bagi memperuntukkan kuasa mahkamah boleh menjalankan prosiding melalui teknologi komunikasi jarak jauh dari mana-mana tempat. Tempat di mana sesuatu prosiding secara teknologi komunikasi jarak jauh itu dijalankan adalah disifatkan sebagai tempat dalam bidang kuasa tempatan mahkamah itu dan tafsiran “teknologi komunikasi jarak jauh” dan “tempat” dimasukkan.

4. *Fasal 4* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu seksyen 77A bagi memberikan kuasa kepada Ketua Hakim Syarie untuk mengeluarkan apa-apa arahan yang bersesuaian berhubung dengan tatacara pentadbiran Mahkamah Syariah yang tidak bersifat substantif termasuk memperincikan kaedah-kaedah yang dibuat oleh Jawatankuasa Kaedah-Kaedah Mahkamah Syariah yang diberi kuasa di bawah Enakmen ibu.

5. *Fasal 5* bertujuan untuk menjelaskan peruntukan peralihan bagi memastikan pemberitahuan tentang penubuhan Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah dan alamat yang dinyatakan dalam *Warta* sebelum Enakmen ini berkuat kuasa adalah sah dan terus berkuat kuasa sehingga dibatalkan atau digantikan oleh pemberitahuan yang dibuat di bawah Enakmen ini.

Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) (Pindaan) 5

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan Negeri dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

SHAH ALAM

Bertarikh 5 Julai 2022

[MAIS.100-1/1/1; P.U. Sel. (ADV) RUU(S)05/07/03]

DATO' SALIM BIN SOIB @ HAMID
*Penasihat Undang-Undang Negeri
Selangor*

A BILL

in t i t u l e d

An Enactment to amend the Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) Enactment 2003.

[]

ENACTED by the Legislature of the State of Selangor as follows:

Short title and commencement

1. (1) This Enactment may be cited as the Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) (Amendment) Enactment 2022.

(2) This Enactment shall come into operation on the date to be appointed by His Royal Highness the Sultan by notification in the *Gazette*.

Amendment of section 55

2. Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) Enactment 2003 [*Enactment No. 1 of 2003*], which is referred to as the “principal Enactment” in this Enactment, is amended—

(a) in subsection 55(1), by inserting after the word “as he considers fit” the word “which shall have its principal registry and prescribe the limit of the local jurisdiction of such court”;

- (b) in subsection 55(2), by inserting after the word “State of Selangor” the word “at such places as he considers fit which shall have its principal registry and prescribe the limit of the local jurisdiction of such court”; and
- (c) in subsection 55(3), by inserting after the word “State of Selangor” the word “at such place as he considers fit which shall have its principal registry”.

New section 72A

3. The principal Enactment is amended by inserting after section 72 the following section:

“Court may conduct proceedings through remote communication technology

72A. (1) Without prejudice to section 72, the Court may, in the interest of justice, hear and decide any proceedings through a remote communication technology from any place.

(2) The place in which the Syariah Subordinate Court, Syariah High Court or Syariah Appeal Court is held to conduct any proceedings through a remote communication technology shall be deemed to be conducted within the local jurisdiction of such courts as established under section 55.

(3) For the purpose of this section—

- (a) “remote communication technology” means any modes of electronic communication including e-mail, video conferencing application or video network or any other digital channel which deemed appropriate by the Court; and
- (b) “place” includes cyberspace, virtual space or virtual place.”.

*Administration of the Religion of Islam
(State of Selangor) (Amendment)*

3

New section 77A

4. The principal Enactment is amended by inserting after section 77 the following section:

“Direction of the Chief Syarie Judge

77A. The Chief Syarie Judge may, from time to time issuing any directions as he thinks necessary for the purpose of carrying the provision in Part IV of this Enactment.”.

Transitional

5. (1) Any notification relating to the establishment of the Syariah Subordinate Court, Syariah High Court and Syariah Appeal Court which has been made under the principal Enactment before the enforcement of this Enactment shall remain in force and deemed as notification under this Enactment until revoked or substituted by the notification made under this Enactment.

(2) Any notification relating to the address of the Syariah Subordinate Court, Syariah High Court and Syariah Appeal Court which has been referred in the notification made under the principal Enactment before the enforcement of this Enactment, as the case may be, shall be deemed as the address of principal registry of such court under this Enactment until revoked or substituted by the notification made under this Enactment.

EXPLANATORY STATEMENT

This Bill seeks to amend Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) Enactment 2003 (“Enactment No. 1 of 2003”).

1. *Clause 1* contains the short title and provision on the commencement of the proposed Enactment.

4

Bill

2. *Clause 2* seeks to amend subsection 55(1) and (2) in explaining that His Royal Highness the Sultan may determine the establishment of several Syariah Subordinate Courts and Syariah High Courts which shall have its principal registry to be published in the *Gazette*. For this purpose, notification through *Gazette* will be made to state the address of principal registry of Syariah Subordinate Court and Syariah High Court. This amendment also seeks to explain that His Royal Highness the Sultan may fix the local limit of jurisdiction of Syariah Subordinate Court and Syariah High Court which has been established.

Besides that, this *Clause* also seeks to amend subsection 55(3) in explaining that His Royal Highness the Sultan may prescribe the establishment of Syariah Appeal Court which shall has its principal registry to be published in the *Gazette*.

Generally, the amendment of subsection 55(1), (2) and (3) is to elucidate that the Syariah Subordinate Court, Syariah High Court and Syariah Appeal Court respectively, will have its principal registry and the address of that principal registry will be gazetted. Nonetheless, the court proceedings may be conducted at any place designated as a court other than at the principal registry within the local jurisdiction of that court.

3. *Clause 3* seeks to insert a new section 72A to allocate the power of the court which may conduct proceedings through remote communication technology from any places. The places in which a proceeding through a remote communication technology is held shall be deemed to be conducted within the local jurisdiction of such courts and the interpretation of “remote communication technology” and “place” included.

4. *Clause 4* seeks to insert a new section 77A in enabling the Chief Syarie Judge to issue any appropriate directions relating to the procedure of the administration of Syariah Court which is not substantial including to specify the rules made by the Rules Committee of the Syariah Courts which has been authorized under principal Enactment.

5. *Clause 5* seeks to explain the transitional provision to ensure the notification relating to the establishment of the Syariah Subordinate Court, Syariah High Court and Syariah Appeal Court and the address stated in the *Gazette* before the enforcement of this Enactment is still valid and remain in force until revoked or substituted by the notification made under this Enactment.

*Administration of the Religion of Islam
(State of Selangor) (Amendment)*

5

FINANCIAL IMPLICATIONS

This Bill will not involve the State Government in any extra financial expenditure.

SHAH ALAM

Dated 5 July 2022

[MAIS.100-1/1/1; P.U. Sel. (ADV) RUU(S)05/07/03]

DATO' SALIM BIN SOIB @ HAMID
*State Legal Adviser
Selangor*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA

PNMB